AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
ڤليتا بروني
# PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

## MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"KAMU wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)."**
**- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 110.**

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.58 SUBUH 5.08 SYURUK 6.31 DUHA 6.55 ZUHUR 12.28 ASAR 3.49 MAGHRIB 6.22 ISYAK 7.36
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN **69** BILANGAN **4** | **8 JANUARI 2024 / 1445 26 جمادي الأخير** | **JABATAN PENERANGAN** | **EDISI ISNIN PERCUMA**




# ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA DIMULAKAN DENGAN ISTIADAT BERSURUH DIRAJA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang berlangsung di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda baginda. - Foto : Masri Osman (*Lihat muka 2 hingga 5*)**

# Pengisytiharan ruang udara terhad, 7 hingga 16 Januari

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Januari. - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan orang ramai bahawa sebagai langkah-langkah tambahan keselamatan, ruang udara di keseluruhan Daerah Brunei dan Muara adalah diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad bermula 7 Januari hingga 16 Januari 2024.

Di bawah pengisytiharan ini, pesawat-pesawat termasuk dron (pesawat udara kawalan jauh) tidak dibenarkan beroperasi di ruang udara tersebut kecuali yang mendapat keizinan.

Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini dianggap sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam di bawah Seksyen 51 Perintah Penerbangan Awam 2006.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam, menerusi talian +673 2331065 atau +673 2330142 sambungan 1110 atau melalui e-mel : *info.dca@dca.gov.bn.* Jabatan Penerbangan Awam mengucapkan terima kasih kepada orang ramai di atas kerjasama dan mematuhi pengisytiharan ini.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



**TAZKIRAH Surah Al-Mulk serikan Malam Munajat**
**Muka 7**



**ISYF : Memperkaya, meningkatkan kecekapan pedagogi guru**
**Muka 8**



**PERSEDIAAN, keperluan perahu tambang**
**Muka 16**




**ALAT Kebesaran Diraja warisan negara**
**Muka 19**

PELITA BRUNEI

# Istiadat Perkahwinan Diraja dimulakan dengan Istiadat Bersuruh Diraja





Oleh : Haniza Abdul Latif, Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Muhammad Khalid Doughty, Mohammad Hanif A. Halit, Abdul Kadir Md. Tahir

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang berlangsung di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (kiri dan atas).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Januari. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan lagi satu peristiwa bersejarah di mana Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam bermula hari ini dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja.

Sebagaimana yang lazimnya sejak turun-temurun, Majlis Istiadat Bersuruh Diraja berlangsung dengan penuh adat istiadat yang melambangkan keunikan, keindahan dan kegemilangan Adat Istiadat Diraja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang berlangsung di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman, hari ini.

>> Muka 3

## WAKTU SEMBAHYANG

| Januari MASIHI | HARI | Jamadilakhir HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8 | ISNIN | 26 | 4.58 | 5.08 | 6.31 | 6.55 | 12.28 | 3.49 | 6.22 | 7.36 |
| 9 | SELASA | 27 | 4.58 | 5.08 | 6.31 | 6.55 | 12.28 | 3.50 | 6.23 | 7.37 |
| 10 | RABU | 28 | 4.59 | 5.09 | 6.32 | 6.56 | 12.28 | 3.50 | 6.23 | 7.37 |
| 11 | KHAMIS | 29 | 4.59 | 5.09 | 6.32 | 6.56 | 12.29 | 3.51 | 6.23 | 7.38 |
| 12 | JUMAAT | 30 | 5.00 | 5.10 | 6.32 | 6.56 | 12.29 | 3.51 | 6.24 | 7.38 |
| 13 | SABTU | 1 Rejab | 5.00 | 5.10 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.51 | 6.24 | 7.38 |
| 14 | AHAD | 2 | 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 8 JANUARI 2024

## Doa, usaha kunci raih kejayaan

**DALAM** mencapai satu kejayaan dalam hidup, seseorang itu perlu berdoa, berusaha, berikhtiar dan bertawakal. Sebagai seorang Muslim, kita dianjurkan untuk sentiasa berikhtiar sekuat tenaga dan semampunya bagi mencapai matlamat kehidupan.

Setiap matlamat yang ingin dicapai perlu dimulakan dengan niat dan disusuli usaha.

Usaha dan ikhtiar pula perlu disusun dengan strategi atau dilakukan secara berperingkat agar memudahkan untuk dilaksanakan.

Secara istilah ikhtiar adalah usaha sungguh-sungguh seorang hamba untuk memperoleh apa yang dikehendakinya.

Orang yang berikhtiar bererti dia memilih suatu pekerjaan kemudian dia melakukan pekerjaannya dengan sungguh-sungguh agar berhasil dan meraih kejayaan.

Dalam erti kata lain, ikhtiar adalah berusaha untuk mencapai apa yang diinginkan, tidak berdiam diri, apa lagi lari daripada kenyataan.

Jika berjaya dan terhasil, disyukurinya. Sebaliknya jika gagal, dia akan berusaha di samping bersabar. Sudah pasti, wujud di sebaliknya hikmah yang tak terjangkau dek akal.

Islam juga menyarankan kita untuk rajin berusaha dan bersungguh-sungguh mencari rezeki yang halal serta sentiasa bersyukur, sabar dan reda dengan apa jua kurnia dan pemberian Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam pada itu juga, kita sebagai mukmin yang taat dengan perintah Allah digalakkan untuk berusaha dalam membina kebaikan dalam diri agar menjadi insan yang diredai di dunia dan akhirat.

Dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala, Surah Ali 'Imran, ayat 159 yang bermaksud, "*Bila kamu telah bertekad untuk melakukan sesuatu, maka berserah dirilah kepada Allah, Allah betul-betul suka kepada orang yang berserah diri*".

Kita perlu sentiasa berfikiran positif kerana ia memberi pengaruh kepada hala tuju kehidupan kita dan berupaya memberi impak kepada matlamat hidup kita dan sekeliling kita.

Dengan tekun berusaha dan berikhtiar, *mindset* seseorang itu akan terus berusaha keras dan membanting tulang demi mencapai satu matlamat hidup.

Selepas usaha dan ikhtiar sudah mencukupi, kita berserah diri kepada Allah dengan berdoa dan bertawakal agar segala usaha yang dikerahkan akan membuahkan hasil kepada kita.

Jangan berputus asa, meskipun kita tidak berjaya dalam meraih sesuatu yang diinginkan kerana sememangnya ada hikmah di sebaliknya. Allah Subhanahu Wata'ala adalah sebaik-baik perancang. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan bawah).

**>> Muka 2**

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Majlis Istiadat Bersuruh Diraja di Istana Nurul Iman bermula dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof menjunjung anugeraha kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar untuk mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menyembahkan bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Sebaik sahaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersemayam diikuti kerabat diraja, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menjunjung anugeraha untuk menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar yang kemudiannya menyembahkan ke hadapan majis Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa majlis telah siap sedia.

Sejurus selepas Kebawah DYMM menitahkan supaya istiadat dimulakan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Laila Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris menyabdakan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj untuk mengadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM.

Kebawah DYMM kemudian menitahkan agar Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim supaya mengepalai Rombongan Bersuruh Diraja ke Darussidiq, Jerudong bagi menjelaskan hasrat baginda untuk meminang Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam untuk paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

**>> Muka 4**





MAJLIS Istiadat Bersuruh Diraja berlangsung dengan penuh adat istiadat yang melambangkan keunikan, keindahan dan kegemilangan Adat Istiadat Diraja (atas dan kanan).







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (atas). Manakala gambar kiri, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ketika mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.**

**>> Muka 3**

Setelah menjunjung titah Kebawah DYMM, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim menjunjung anugeraha berangkat dari majlis berserta Rombongan Bersuruh Diraja yang terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Hulubalang.

Kebawah DYMM kemudian dijunjung berangkat ke Bilik Khas berserta kerabat diraja. Sementara itu, Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi Pengantin Diraja Perempuan berlangsung di Dewan Cempaka, Darussidiq, di sini.

Majlis dimulakan dengan Yang Mulia Awang Adam bin Abdullah, ayah kepada Pengantin Diraja Perempuan, menjunjung anugeraha untuk mengadap dan seterusnya menjunjung Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong untuk menerima Rombongan Bersuruh bagi pihaknya.

Ketibaan Rombongan Bersuruh Diraja yang dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Sejurus Rombongan Bersuruh Diraja berangkat tiba, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz menjunjung anugeraha dan menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Kemudian, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit menyabdakan supaya istiadat dimulakan dengan membaca Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dikepalai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kemudian bersabda dan seterusnya menyampaikan titah Kebawah DYMM kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit mengenai hasrat baginda untuk meminang Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam untuk paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Setelah mendengar akan titah Kebawah DYMM yang disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad itu, maka Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bersabda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan hati yang putih lagi jernih menjunjung setinggi-tingginya kurnia titah baginda.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa.

Setelah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah sempurna dilaksanakan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit menyabdakan supaya majlis ditutup.

Setelah Majlis Istiadat Bersuruh Diraja sempurna dilaksanakan di Darussidiq, Jerudong, Rombongan Bersuruh Diraja yang dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kembali semula ke Istana Nurul Iman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menjunjung anugeraha dan menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Rombongan Bersuruh Diraja telah berangkat balik.

**>> Muka 5**



**BERANGKAT dan hadir pada Majlis Istiadat Bersuruh Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman.**







**ANTARA yang berangkat dan hadir pada Majlis Istiadat Bersuruh Diraja menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (atas, kiri dan kiri sekali).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang berlangsung di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (kanan dan atas).**



**>> Muka 4**

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz kemudian menyabdakan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan untuk mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM bahawa Rombongan Bersuruh Diraja telah berangkat balik.

Setelah itu, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung berangkat ke Balai Persantapan, Istana Nurul Iman.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim kemudian mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM, sabda yang diterima daripada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit. Kebawah DYMM mengambil maklum akan sembah jawapan daripada Yang Mulia Awang Adam.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menjunjung anugeraha untuk menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah sempurna dilaksanakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris kemudian menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah sempurna dilaksanakan. Kebawah DYMM seterusnya menitahkan supaya majlis berkenaan ditutup.

Berangkat dan hadir pada Majlis Istiadat Bersuruh Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman.









**SEKITAR Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi Pengantin Diraja Perempuan yang berlangsung di Dewan Cempaka, Darussidiq (kiri sekali atas, kiri sekali bawah, kiri dan bawah).**



**BAGI memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat (kiri).**

# إستعادة ڤركهوينن دراج



دولي يڠترأمة مليا ڤادک سري ڤڠيران مودا عبد المتين

إبن کباوه دولي يڠمها مليا ڤادک سري بݢندا

سلطان حاج حسن البلقيه معز الدين والدولة

دي.کي.عيم.بي.، دي.ڤي.کي.تي.، ڤي.إيچ.بي.إيس.

دڠن

يڠمليا دايڠ أنيشا روسنه بنت أدم



*Mulai Hari Ahad 25 Jamadilakhir, 1445 hingga Hari Selasa 4 Rejab, 1445*

*Bersamaan*

*7 Januari, 2024 hingga 16 Januari, 2024*

| | | | |
|---|---|---|---|
| HARI AHAD | 25 Jamadilakhir, 1445<br>bersamaan 7 Januari, 2024 | jam 2.00 petang | - Majlis Istiadat Bersuruh Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. |
| HARI ISNIN | 26 Jamadilakhir, 1445<br>bersamaan 8 Januari, 2024 | jam 8.30 pagi | - Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di Lapau, Bandar Seri Begawan. |
| HARI SELASA | 27 Jamadilakhir, 1445<br>bersamaan 9 Januari, 2024 | jam 2.00 petang | - Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.<br>- Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. |
| HARI RABU<br>MALAM KHAMIS | 29 Jamadilakhir, 1445<br>bersamaan 10 Januari, 2024 | jam 7.30 malam | - Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja Lelaki di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.<br>- Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja Perempuan di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. |
| HARI KHAMIS | 29 Jamadilakhir, 1445<br>bersamaan 11 Januari, 2024 | jam 1.00 petang | - Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. |
| HARI AHAD | 2 Rejab, 1445<br>bersamaan 14 Januari, 2024 | jam 10.00 pagi | - Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di Balai Singgahsana Indera Buana dan seterusnya Pengantin Diraja diarak sekeliling Bandar Seri Begawan. |
| HARI ISNIN<br>MALAM SELASA | 4 Rejab, 1445<br>bersamaan 15 Januari, 2024 | jam 7.30 malam | - Majlis Persantapan Diraja di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. |
| HARI SELASA | 4 Rejab, 1445<br>bersamaan 16 Januari, 2024 | jam 2.00 petang | - Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. |

# TAZKIRAH SURAH AL-MULK SERIKAN MALAM MUNAJAT

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**



HADIR sama-sama mengimarahkan Malam Munajat ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Januari. - Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kematian dan kehidupan dengan tujuan untuk menguji siapakah antara makhluk ciptaan-Nya yang paling baik amalnya. Dan setiap manusia akan melalui ujian saringan bagi mengenal pasti siapakah paling taat dan ikhlas dalam beramal.

Allah Subhanahu Wata'ala menilai pada kualiti amal hamba-Nya dan bukanlah semata-mata pada kuantitinya. Perbetulkan niat dan tujuan setiap perkara yang kita lakukan dan berusahalah untuk melakukannya dengan sebaik mungkin. Dan sentiasalah memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala atas sebarang kesilapan kerana Allah Subhanahu Wata'ala juga bersifat Maha Pemaaf dan Pengampun.

Perkara tersebut antara inti pati Tadabbur Al-Quran daripada Surah Al-Mulk, ayat 2 di dalam tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar bagi menyerikan Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-119.

Acara Malam Munajat yang diadakan baru-baru ini turut mengundang tetamu khas, Yang Di-pertua Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Iswandy bin Ahmad dari Surau Promosi Kesihatan yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Juga hadir bagi sama-sama mengimarahkan Malam Munajat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Program Malam Munajat tersebut turut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam; ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid, jemaah dan belia daripada 56 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara. Juga menyertai, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan serta institusi-institusi pendidikan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Exco Keugamaan Majlis AIDS NBD, Awang Mohammad Zulhafiz Zariq bin Awang Damit dari Surau Promosi Kesihatan.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Unit Pengurusan Strategik dan Jaminan Kualiti, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Mohammad Khairul Azhar bin Haji Idris.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Ketua Badan Keugamaan, Kelab Penyinar, Majlis AIDS NBD, Awang Afif Qawiem bin Ibrahim.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Adham bin Hashaim dari Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu.*

# Rombongan KHEU sertai Persidangan, Pameran Haji, Umrah



ROMBONGAN KHEU yang diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Persidangan dan Pameran Haji dan Umrah yang akan diadakan bermula 8 hingga 11 Januari 2024 di Jeddah Superdome, Arab Saudi.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Januari. - Rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam (NBD) berlepas meninggalkan NBD bagi menghadiri Persidangan dan Pameran Haji dan Umrah (Hajj and Umrah Conference and Exhibition), hari ini, yang akan diadakan bermula 8 hingga 11 Januari 2024 di Jeddah Superdome, Arab Saudi.

Rombongan yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan juga akan menghadiri Majlis Penandatanganan Perjanjian Persefahaman Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji NBD Tahun 1445H / 2024M.

Penandatanganan tersebut adalah hasil daripada Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M yang telah diadakan secara dalam talian pada 18 Oktober 2023.

Ikut serta dalam rombongan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama ialah Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad; Pegawai Pelajaran Ugama, Jabatan Urusan Haji, Awang Haji Mohd. Hisham bin Haji Maidin dan Pegawai Hal Ehwal Masjid di KHEU, Awang Mohammad Masdi bin Rosli.

Penyertaan NBD ke Persidangan dan Pameran Haji dan Umrah dan seterusnya Majlis Penandatanganan Perjanjian Persefahaman Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji NBD Tahun 1445H / 2024M adalah dihasrat akan mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama yang telah sedia terjalin antara kedua-dua buah negara.



# MURID PRASEKOLAH MULAKAN SESI PERSEKOLAHAN



SEKOLAH-sekolah rendah kerajaan di seluruh negara memulakan sesi persekolahan bagi kanak-kanak prasekolah.

**Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Sabtu, 6 Januari. - Sekolah-sekolah rendah kerajaan di seluruh negara hari ini memulakan sesi persekolahan bagi kanak-kanak prasekolah. Sebanyak 116 buah sekolah rendah kerajaan menawarkan kelas-kelas prasekolah bagi tahun 2024.

Seramai 2,869 kanak-kanak berumur 5 tahun telah didaftarkan untuk mengikuti pembelajaran peringkat prasekolah tahun ini. Daripada jumlah berkenaan, 1,496 adalah kanak-kanak lelaki manakala 1,373 adalah perempuan.

Dalam hubungan ini, Pelita Brunei membuat tinjauan ke salah buah sekolah rendah kerajaan di daerah ini untuk menyaksikan secara lebih dekat suasana kemasukan kanak-kanak yang memulakan sesi prasekolah.

Dalam pada itu, sebagai persediaan bagi membantu kanak-kanak untuk menyesuaikan diri dengan suasana sekolah, Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Awal Kanak-kanak (UPAKK) melaksanakan beberapa inisiatif termasuk mengadakan Program Orientasi Prasekolah untuk Kanak-kanak Baharu Prasekolah Tahun 2024, Program Kemasukan dan Pendaftaran Kanak-kanak Prasekolah Secara Berperingkat-peringkat (Staggered Entry and Registration) dan juga Program Sukarelawan Pelajar Tingkatan Enam Atas dan Tahun 11 sebagai Pembantu Guru bagi Kelas Prasekolah.

Mengikut pindaan Akta Pendidikan Wajib di mana tahun 2024 juga merupakan permulaan bagi kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun untuk wajib bersekolah, khususnya mereka yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan yang bermastautin di negara ini.

Bagi kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun pada 31 Disember adalah diwajibkan mendaftar bagi kemasukan prasekolah bermula awal tahun berikutnya. Bagi kanak-kanak yang belum berkesempatan untuk didaftarkan, para ibu bapa atau penjaga masih diberi peluang untuk mendaftar di sekolah-sekolah rendah masing-masing.

# ISYF : Memperkaya, meningkatkan kecekapan pedagogi guru

**Berita dan Foto : Nur Izzah Razali**





DUA pelajar, seorang guru selaku peserta dan mentor bersama seorang pegawai tambahan selaku pegawai pengiring akan menyertai Forum Sains Remaja Antarabangsa (ISYF) Kali Ke-16, 2024 (16th International Science Youth Forum 2024 - ISYF 2024) di Hwa Chong Institution, Republik Singapura (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE) telah menyelaras penyertaan bagi dua pelajar, seorang guru selaku peserta dan mentor bersama seorang pegawai tambahan selaku pegawai pengiring akan menyertai Forum Sains Remaja Antarabangsa (ISYF) Kali Ke-16, 2024 (16th International Science Youth Forum 2024 - ISYF 2024) di Hwa Chong Institution, Republik Singapura dengan dianjurkan oleh Hwa Chong Institution (College Section) dan disokong oleh Kementerian Pendidikan, Republik Singapura.

Forum yang bermula pada 8 hingga 12 Januari 2024 berkenaan diwakili oleh dua orang pelajar Tahun 12 di bawah Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri (Skim Biasiswa Pra Universiti) di Jerudong International School (JIS), iaitu Awang Muhamad Shafwanul Bakri bin Haji Muhammad Seruddin; dan Dayang Nurun Nasriyah binti Haji Awang Nor Asilin.

Manakala Dayang Vijayanthi Vijayan dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar akan hadir selaku peserta forum dan mentor kepada para pelajar berkenaan.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Pegawai Pengiring dari Pusat EDGE, Dayang Lunayati binti Tuah.

"Alhamdullilah, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pendidikan atas budi dan kemurahan hati mereka kerana memberi kami peluang untuk mendapatkan keistimewaan dihantar sebagai perwakilan dalam ISYF 2024 ini.

"Sebagai perwakilan, saya bersyukur kerana diberi peluang untuk meneroka dan mengembangkan pengetahuan saya dalam dunia sains. Terima kasih kepada guru-guru dari EDGE atas bantuan mereka untuk membimbing kami dalam proses ISYF.

"Ini adalah penghormatan besar saya untuk mewakili Negara Brunei Darussalam dalam ISYF tahun ini, dan saya akan memastikan bahawa saya akan melakukan yang terbaik untuk membanggakan negara," kata Dayang Nurun Nasriyah ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei.

Forum berkenaan diadakan secara tahunan dengan tujuan untuk menyediakan landasan bagi para pelajar yang berumur di antara 16 hingga 17 tahun untuk berinteraksi dengan 'Nobel Laureates' dan saintis terkemuka dalam bidang sains.

Tema forum pada kali ini adalah 'Science and Technology for Humanity : Building a Sustainable Future'.

Para peserta juga berpeluang untuk menyertai aktiviti dan sesi seperti berinteraksi dengan penerima Hadiah Nobel dan para saintis terkenal; Dialogues and Masterclass Sessions; Collaborative Science Activity; Singapore Discovery Trail; Cultural Hour and Exhibition dan Pameran Poster.

Para wakil pelajar dari NBD juga akan berkongsi poster penyelidikan mereka yang bertajuk 'Expanding Brunei's Green Energy : Solar Power' semasa sesi Pameran Poster berkenaan.

Forum berkenaan juga bertujuan untuk memperkaya dan meningkatkan kecekapan pedagogi guru melalui lawatan seperti ke National Institute of Education dan Science Centre Singapore.

Melalui sesi Dialogues and Masterclass Sessions bersama penerima Hadiah Nobel, para saintis terkenal dan pakar dalam bidang sains dapat meningkatkan hubungan rapat dan kerjasama antara pendidik di masa hadapan.




# GERAI JUALAN KETENGAHKAN MASAKAN KAMPUNG

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'A'**

**JERUDONG**, Ahad, 7 Januari. - Dalam usaha membantu menjana ekonominya, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'A' melalui Biro Wanitanya mengendalikan gerai jualan yang mengetengahkan jualan masakan kampung dan kuih-muih bertempat di Gerai E10, Pasar Pantai Jerudong.

Pelbagai masakan kampung antaranya masakan utama iaitu Daging Masak Kunyit dan Ayam Tuha Masak Kunyit boleh didapati di Gerai Jualan MPK Biro Wanita Jerudong 'A' yang dibukakan pada setiap Jumaat dan Ahad bermula jam 7.00 pagi hingga jualan habis.

Sehubungan itu, pagi tadi diadakan pembukaan semula gerai jualan sajian makanan kendalian MPK Jerudong 'A' yang disempurnakan oleh Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Menurut Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Mohd. Faiz bin Haji Abu Bakar, idea untuk membuka gerai jualan berkenaan adalah hasil fikiran bersama Ahli-ahli Biro Wanita MPK Jerudong 'A' untuk membantu menjana ekonomi MPK, memandangkan kebanyakan Ahli-ahli Biro Wanita gemar membuat kuih-muih dan masakan, di samping membuat jualan sendiri bagi menyara kehidupan seharian.

"Alhamdulillah selepas perbincangan bersama ahli-ahli, akhirnya bersepakat dan teringin mencuba untuk membuka gerai jualan dengan harapan dapat membantu menjana ekonomi Biro dan jua sebagai aktiviti berpanjangan di dalam MPK ini sendiri.

"Mudah-Mudahan atas usaha dan inisiatif ini saya sendiri berharap agar ia akan berpanjangan dan bertahan sampai bila-bila dan juga akan dilapis oleh generasi-generasi muda yang akan datang," ujarnya.

Menurutnya lagi, keistimewaan masakan-masakan yang dijual merupakan resipi turun-temurun dan berlainan daripada masakan pada masa ini dan seterusnya berharap agar masakan ala kampung ini tidak akan luput ditelan arus zaman.



**PEMBUKAAN semula gerai jualan sajian makanan kendalian Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'A' disempurnakan oleh Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.**



**MPK Jerudong 'A' melalui Biro Wanitanya semasa mengendalikan gerai jualan.**




# GoMamam laksanakan kerja amal, kebajikan

**Siaran Akhbar dan Foto : GoMamam**





**GOMAMAM melaksanakan inisiatif dengan mengadakan kerja-kerja berkebajikan di Kampong Ayer pada 28 Disember lalu (atas dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Januari. - Satu aplikasi penghantaran tempatan Brunei, GoMamam melaksanakan inisiatif dengan mengadakan kerja-kerja berkebajikan di Kampong Ayer pada 28 Disember lalu.

Inisiatif berkenaan dilaksanakan oleh pengurusan dan kakitangan GoMamam, dengan mengadakan Kempen Kebersihan dan Penyerahan Sumbangan bagi Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

"Kami berbesar hati untuk memulakan kempen ini untuk mempamerkan sokongan kami kepada masyarakat Kampong Ayer.

"Inisiatif ini menandakan permulaan dan lebih banyak lagi sumbangan serta peluang yang akan dilaksanakan oleh GoMamam bagi menyediakan keperluan untuk masyarakat Negara Brunei Darussalam (NBD)," kata Ketua Pegawai Operasi di GoMamam, Amin Rambli.

Sumbangan berkenaan termasuk peti sejuk yang disumbangkan kepada masjid, makanan dan minuman untuk para jemaah, yang ditaja oleh perniagaan yang kini tersedia di aplikasi GoMamam iaitu Zaitoon Biryani & Grills, Thebudbn, Barakah FNB dan Sohor.

Selain itu, aplikasi penghantaran bekerjasama dengan Air Ikhlas *@beveragesbywafi* - Instagram, dalam menyumbangkan botol air kepada jemaah masjid.

Sumbangan berkenaan disertakan dengan inisiatif #ProjekKongsiRezekiKitani Beverages by Wafi, memudahkan proses bagi warga NBD untuk membuat sumbangan dengan menyediakan botol air kepada komuniti yang sering ke masjid di NBD.

GoMamam berdiri sebagai pasaran e-Dagang terulung di NBD, dengan senarai lebih 600 vendor.

Ia membuat penampilan sulungnya di pasaran NBD pada Februari 2020, berkembang secara strategik semasa kemuncak pandemik COVID-19.

Penubuhan platform berkenaan bertujuan untuk menawarkan pengguna cara yang selamat dan boleh dipercayai untuk mendapatkan makanan daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan.

Dari semasa ke semasa, ia telah berkembang menjadi salah satu saluran yang paling disukai dan mudah untuk pengguna membuat pesanan bagi pelbagai jenis perkhidmatan seperti makanan, barangan runcit, produk runcit, elektronik, farmaseutikal dan banyak lagi, semuanya daripada kemudahan telefon pintar mereka.

Aplikasi GoMamam tersedia untuk dimuat turun pada kedua-dua peranti iOS dan Android.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai GoMamam, boleh lawati laman sesawang *www.gomamam.com* untuk maklumat lanjut tentang menjadi vendor atau penghantar dengan GoMamam.

# PENYERAHAN SURAT SERAH TERIMA MENJALANKAN TUGAS KETUA PESURUHJAYA PPNBD

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Januari. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) baru-baru ini mengadakan Majlis Serah Terima Tugas Ketua Pesuruhjaya PPNBD antara mantan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Mohammad Arif bin Abd. Hadi bertempat di Bilik Mesyuarat, PPNBD.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan daripada mantan Ketua Pesuruhjaya Pengakap dan seterusnya mesyuarat penutup Majlis Pesuruhjaya bagi 2023.

Acara diteruskan lagi dengan Penyerahan Surat Serah Terima Tugas yang melambangkan penyerahan tugas bagi menjalankan sementara tugas-tugas Ketua Pesuruhjaya kepada Awang Mohammad Arif.

Haji Awang Badar merupakan Ketua Pesuruhjaya Pengakap yang ketujuh dan mula memegang jawatan berkenaan pada 2005 sehingga 31 Disember 2023.



**MAJLIS Serah Terima Tugas Ketua Pesuruhjaya PPNBD antara mantan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Mohammad Arif bin Abd. Hadi bertempat di Bilik Mesyuarat, PPNBD.**

# Penderma darah Kumpulan A, B, AB adalah diperlukan




**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara adalah berada pada tahap yang rendah.

Dalam masa yang sama, penderma darah Kumpulan A, B dan AB adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Orang ramai yang ingin menderma darah bolehlah berkunjung terus ke Pusat Pendermaan Darah atau Tabung-tabung Darah berdekatan, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang pada hari-hari bekerja sahaja.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah. Kempen-kempen berikut adalah dibukakan bagi penyertaan orang ramai.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Rabu, 10 Januari 2024 bertempat di Tingkat 5, Bilik Serbaguna, Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.




# Kes curi : Lelaki tempatan dipenjara 16 bulan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Januari. - Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman penjara selama 16 bulan ke atas seorang lelaki tempatan berusia 26 tahun atas kesalahan mencuri dan menyimpan barang curi.

Majistret Abdul 'Azim bin Othman menjatuhkan hukuman tersebut terhadap defendan, Mohd. Norazmiee bin Danan yang mengaku telah mencuri beberapa barang di tiga tempat dari bulan September dan November 2023. Defendan mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Musawwir bin Haji Awang Mahli.

Pihak pendakwaan mendedahkan bahawa defendan melakukan kesalahan pada 24 Oktober 2023 di sekitar sebuah rumah beralamat di Jalan Mulaut, Kampung Tanjong Nangka dan telah mencuri beberapa barang iaitu satu periuk nasi jenama Narutron; satu peti sejuk jenama Panasonic; satu rantai *chainblock* dan satu mesin pengering jenama Matrix.

Barang curi seterusnya ialah sebuah vakum jenama Matrix; satu pam air jenama Figo; dua buah Sport Rim TE37 *monoblock* saiz 18x85; dua buah Sport Rim TE37 *monoblock* saiz 18x95; sebuah gril berwarna merah; tiga botol Tupperware berwarna hijau; satu telefon bimbit jenama Vivo Y21 dan satu telefon bimbit jenama Samsung.

Manakala pada 29 September 2023 defendan telah mencuri di Jalan Mulaut, Ban 5, Kampung Kilanas iaitu satu kipas siling berwarna coklat dan hitam Sapphire dengan alat kawalan jauh; lima lampu hitam 7W dengan kaki lampu; satu Master Lamp *model* A25H-5W; dua lampu hitam 10W; 15 kotak yang mengandungi lampu panel LED; satu beg plastik besar hijau dan satu meja bulat berwarna coklat dengan kaki meja warna putih.

Sementara pada 4 Oktober 2023 defendan telah pergi ke Suntech Concrete Sdn. Bhd., Simpang 136, Kampung Jerudong telah mencuri beberapa barang komputer di syarikat tersebut. Mahkamah telah mengambil kira akan sabitan kesalahan defendan sebelumnya yang banyak dalam memberikan hukuman yang sesuai ke atasnya.

# Padah miliki barang tegahan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Januari. - Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND43,400 atau 24 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang warganegara Filipina.

Pemangku Majistret Kanan, Hajah Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid memutuskan hukuman terbabit selepas defendan, Archie Galvan Sace mengaku bersalah atas tiga pertuduhan.

Defendan yang berusia 34 tahun itu ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Kampung Kiarong dan Jalan Gadong pada 4 Januari 2024, jam 12.45 petang.

Mengkut pertuduhan defendan memiliki 25 karton rokok pelbagai jenis, 45 paket rokok pelbagai jenis dan enam botol minuman keras pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah.

Bagi pertuduhan pertama, defendan memiliki 21 karton dan 20 paket rokok pelbagai jenis, defendan telah dijatuhi hukuman denda mahkamah sebanyak BND32,800 atau 14 bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan denda tersebut.

Bagi pertuduhan kedua, memiliki empat karton dan 25 paket rokok pelbagai jenis, defendan telah dijatuhi hukuman denda mahkamah sebanyak BND5,600 atau lima bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan denda tersebut.

Bagi pertuduhan ketiga, memiliki enam botol minuman keras pelbagai jenis, defendan telah dijatuhi hukuman denda mahkamah sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan denda tersebut.

Semua barang yang terlibat iaitu rokok dan minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

## سروان سوچي

# ممبوات ڤروبهن انتوق منچاڤاي كجيأن

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى دڠن منيڠكتكن كإيمانن كقدث. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، كيت مرافعكن راس شكور كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى كران داڤت برادا دتاهون بارو مسيحي ٢٠٢٤ دالم سواسان نݢارا يڠ امان، دامي دان سجهترا. اينله انتارا نعمت يڠ تيدق داڤت دنيلاي دڠن اڤ ڤون، سڤرتي جوݢ نعمت عمور، نعمت كصيحتن، نعمت كمعمورن دان ڤلباݢاي لاݢي بنتوق نعمت، سموا ايت مروڤاكن كورنيا الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى سمات-مات.

جوسترو، كيت سلاكو رعيت دان ڤندودوق يڠ برناوڠ دبومي دارالسلام يڠ برتواه اين، واجب منشكوري دان تروس منروس مموهون كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى اݢر نعمت كأمانن، كدامين دان كسجهترأن اين اكن سنتياس بركڤلن دڠن ممڤربايقكن ذكر مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى، ملقسناكن سݢل ڤرينتهن دان منجاوهي سݢل لارڠنن. الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الأحزب أية ٤١-٤٣:

**واهي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! برذكرله مڠايڠت الله دڠن ذكر يڠ سبايق-بايقڽ. دان برتسبيحله كڤدڽ ڤد وقتو ڤاݢي دان ڤتڠ. دياله يڠ مڠورنياكن رحمة كڤد كامو دان ملائكة-ملائكتڽ ڤول (بردعاء مموهونكن أمڤون باݢي كامو) انتوق مڠلواركن كامو درڤد كݢلاڤن-كݢلاڤن (كوفور) كڤد چهاي (إيمان). دان دي اداله مها ڤڠاسيه كڤد اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

كحاضيرن تاهون بارو اين اداله وقتو يڠ ساڠت سسواي انتوق كيت سموا ممبوات ڤروبهن. كيت هيدوڤ ددنيا اين سميمڠن مڠايڠينكن كجيأن دان كبهاݢيأن ددنيا دان دأخيرة.

جوسترو، انتوق منچاڤاي كجاياأن دان كبهاݢيأن ترسبوت، كيت مستيله براني ممبوات ڤروبهن دالم كهيدوڤن. ڤروبهن مروڤاكن ساتو ڤڠهجرهن اتو ڤراليهن ياءيت ملاكوكن ڤروبهن دري ساتو كادأن يڠ بايك كڤد ساتو كادأن يڠ لبيه بايك.

كنهويله، انتوق ممبوات ڤروبهن ترسبوت اداله برݢنتوڠ كڤد ديري كيت سنديري، دالم أرتي كات لاين كيت تيدق ڤرلو منوڠݢو اورڠ لاين انتوق مڠوبه ديري كيت. فرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى ددالم سورة الرعد أية ١١:

**سسڠݢوهڽ الله تيدق مڠوبه (كادأن) اڤ يڠ اد ڤد سواتو قوم سهيڠݢ له مريك مڠوبه (كادأن) اڤ يڠ اد ڤد ديري مريك سنديري. دان اڤبيل الله مڠهندقي (انتوق منيمڤاكن) كبوروقن (عذاب) كڤد سواتو قوم ملك تيدق اد يڠ داڤت منولقڽ. دان مريك تيدق ممڤرأوليهي ڤليندوڠ سلاين درڤدڽ.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ممڤوياي عزم دان چيتا-چيتا مروڤاكن سواتو ڤركارا يڠ مستي اد ڤد ديري سسأورڠ كران اي مروڤاكن ساتو موتيۏاسي دان ڤندوروڠ انتوق كيت ملاكوكن سسواتو ڤركارا اتوڤون ڤكرجأن كأره دان كتاهڤ يڠ لبيه بايك لاݢي. لبيه-لبيه لاݢي ڤد ماس اين ڤارا ڤلاجر اتو موريد بارو ممولاكن موسيم ڤرسكوله.

اوله ايت، ڤارا ڤلاجر سوده سڤتوتڽ ممڤوياي عزم انتوق منجادي ڤلاجر يڠ چمرلڠ دان برجاي، بݢيتو جوݢ ڤارا ڤنديديق اتو ݢورو منيڠكتكن كعزمن انتوق منديديق انق بڠسا سوڤاي منجادي اورڠ يڠ برݢونا كڤد أݢام، بڠسا دان نݢارا.

مانكالا، ڤارا ڤكرجا ڤول هندقله برعزم منيڠكتكن داي أوسها، كواليتي دان ڤرودوقتيۏيتي كرجا مريك دري ماس كماس. سسڠݢوهڽ سموا تيكد دان عزم اين برتوجوان انتوق منجاديكن كيت إنسان يڠ لبيه بايك، لبيه برإيمان دان لبيه برتقوى.

دالم كونسيڤ ڤروبهن اين، أݢام إسلام مڠأنجوركن أومتڽ انتوق بروبه دري سݢي روحاني دان جسماني كأره يڠ لبيه بايك. سسڠݢوهڽ رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اداله تلادان يڠ تربايك باݢي سلوروه مأنسي انتوق دإيكوتي دالم سموا أسڤيك كهيدوڤن سڤرتي دري سودوت كطاعتن دان كإيمانن ترهادڤ الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى، أخلاق، سيكڤ دان سباݢيڽ. فرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى دالم سورة الأحزب أية ٢١:

**دمي سسڠݢوهڽ ڤد ديري رسول الله ايت اد چونتوه يڠ بايك باݢي كامو ياءيت باݢي يڠ مڠهارڤكن (كريضأن) الله دان (كبهاݢيأن) هاري أخيرة سرت بايق برذكر مڠايڠت الله.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ستياڤ ماس يڠ برلالو ددالم هيدوڤ كيت اكن منجادي سجاره دان سقسي أتس سݢل ڤربواتن يڠ تله كيت لاكوكن سباݢي ساتو ڤڠالمن يڠ منديواسكن دان مماتڠكن ڤيكيرن كيت. جاديكنله اي سباݢي ساتو واده انتوق لبيه مندكتكن ديري كيت كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى.

اوله ايت، مولاكنله هاري اين دڠن جيوا يڠ برسيه دان ڤنوه سماڠت اݢر دبري كموداهن دان كسمڤتن انتوق منمبه دان منيڠكتكن عباده سرت عمل كباجيقن. جك كيت تركلينچير دالم كموڠكرن دان كمعصيتن، ملك سݢراله كيت كمبالي كڤڠكل جالن مموهون كأمڤونن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى.

جاديكنله اي سباݢي ساتو تيتيق ڤرمولأن دان ڤروبهن انتوق منچاڤاي كجيأن دان كبهاݢيأن. كيت ڤربايكي هوبوڠن كيت دڠن الله، كيت برأوسها ممڤربايكي ڤوسيسي دالم كهيدوڤن دڠن ممڤرݢوناكن وقتو دان كسمڤتن سبايك-بايكڽ، تروس ممڤوياي سماڠة دان هارڤن دالم ڤرجواڠن مڠاتور ماس هداڤن يڠ لبيه چره. جاڠن سسكالي كيت مبيا-بياكن كسمڤتن اتو منڠݢوه سرت مليواتكن وقتو ملاكوكن عمل كباجيقن. موده-مودهن دڠن يڠ دمكين كيت براوليه كبرأونتوڠن، كجيأن دان كبهاݢيأن هيدوڤ ددنيا دان دأخيرة. آمين يا ربَّ العالمين.

**دان سسياڤ يڠ برهجرة ڤد جالن الله، نسچاي دي اكن منداڤتي دموك بومي اين تمڤت برهجرة يڠ لواس دان رزقي يڠ بايق. دان سسياڤ يڠ كلوار دري رومهڽ دڠن توجوان برهجرة كڤد الله دان رسولڽ كمودين دي ماتي (دالم ڤرجالنن)، ملك سسڠݢوهڽ تله تتڤ ڤهلا (هجرهڽ) دسيسي الله. دان الله اداله مها ڤڠامڤون لاݢي مها ڤڠاسيه.** {سورة النساء أية ١٠٠}

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَاءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala’ bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ
سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ
وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ
ٱلْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَائِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارْ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ مماوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Projek :
SH100 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [1] Unit Gerai Makan (Unit No: 10), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran Terbuka Kepada :
Syarikat tempatan yang dimiliki sepenuhnya terdiri dari rakyat KDYMM yang memiliki Kad Pintar warna Kuning atau Syarikat tempatan dimiliki bersama Penduduk Tetap yang memiliki kad Pintar warna Ungu yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan dari ROCBN (Registry of Company and Business Names) kementerian Kewangan dan Ekonomi. Syarikat-syarikat yang dimiliki bersama Warga Asing (Rakan Kongsi) memiliki kad pintar warna Hijau adalah tidak dibenarkan.

Syarat Penyertaan :
Tawaran ini hanya dihadkan / dibenarkan bagi salah seorang ahli keluarga sahaja. Ahli keluarga lain yang terdekat seperti suami atau isteri atau anak-anak tidak dibenarkan ikut serta.

Lokasi :
Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam

Jumlah Ruang Kedai Yang Ditawarkan :
1 Unit Gerai Makan

Sewa Tetap Bulanan :
BND200.00 [Dua Ratus Ringgit Brunei]

Keluasan Bagi Setiap Unit :
18 Meter Persegi

Tempoh Penyewaan :
5 Tahun

Jenis Perniagaan Yang Dibenarkan :
Kedai Makan Dan Minum Sahaja.

Dokumen Tawaran :
Boleh diperoleh dari: Bahagian Perancangan Projek, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Buka Tawaran :
8 Januari 2024.
(Isnin)

Tempat Tutup Tawaran :
Pengerusi,
Jawatankuasa Sebut Harga
Peti Sebut Harga,
Tingkat 5,
Jabatan Kemajuan Perumahan ,
Jalan Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Dokumen :
BND5.00 - [Lima Ringgit Brunei]
Tunai - tidak akan dikembalikan kepada penawar

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
6 Februari 2024
(Selasa)
(Tidak Lewat Jam 3.00 Petang)

Tarikh Tutup Tawaran :
7 Februari 2024
(Rabu)
(Tidak Lewat Jam 9.30 Pagi)

---

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Notis Tawaran

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 08), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH88 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 29), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH89 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 30), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH90 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 33), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Projek :
SH91 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 36), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH92 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 37), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH93 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 38), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Projek :
SH94 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 39), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH95 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 40), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH96 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 41), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH97 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 44), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH98 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Satu [ 1 ] Unit Ruang Kedai (Unit No: 46), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
SH99 / 2023-2024

Tawaran Terbuka Kepada :
Syarikat tempatan yang dimiliki sepenuhnya terdiri dari rakyat KDYMM yang memiliki Kad Pintar warna Kuning atau Syarikat-syarikat tempatan dimiliki bersama Penduduk Tetap yang memiliki kad Pintar warna Ungu yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan dari ROCBN (Registry of Company and Business Names) kementerian Kewangan dan Ekonomi. Syarikat yang dimiliki bersama Warga Asing (Rakan Kongsi) memiliki kad pintar warna Hijau adalah tidak dibenarkan.

Syarat-syarat Penyertaan :
Tawaran ini hanya dihadkan / dibenarkan bagi salah seorang ahli keluarga sahaja. Ahli keluarga lain yang terdekat seperti suami atau isteri atau anak-anak tidak dibenarkan ikut serta.

Lokasi :
Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas
Negara Brunei Darussalam

Sewa Tetap Bulanan :
BND120.00
[Seratus Dua Puluh Ringgit] bagi setiap 1 unit ruang kedai

Keluasan Bagi Setiap Unit :
200 kaki Persegi
(18.58 Meter Persegi) bagi setiap 1 unit ruang kedai

Tempoh Penyewaan :
5 Tahun

Jenis Perniagaan Yang Dibenarkan :
Perniagaan biasa seperti Kedai Gunting, Kedai Runcit, Kedai Jahit, Kedai Alat-alat Sukan, Dobi, kedai Petak Jualan (Cube), Studio Fotografi, Studio Kesihatan (Zumba & Aerobics), Cyber Cafe, Kelas Pembelajaran seperti Kelas Tuisyen dan Kelas Muzik, Ruang pejabat bagi Agensi Perkhidmatan dan lain-lain (iaitu selain daripada kedai makan) yang bukan berbentuk perusahaan.

Dokumen Tawaran Boleh Diperoleh Dari:
Bahagian Perancangan Projek,
Tingkat 4,
Ibu Pejabat
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Lapangan Terbang Lama Berakas
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran :
8 Januari, 2024
(Isnin)

Tempat Tutup Tawaran :
Pengerusi,
Jawatankuasa Sebut Harga
Peti Sebut Harga,
Tingkat 5,
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Jalan Lapangan Terbang Lama,
Berakas
BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Dokumen :
BND5.00 [Lima Ringgit Brunei]
Tunai – tidak akan dikembalikan kepada penawar

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
6 Februari 2024 (Selasa)
(Tidak Lewat Jam 3.00 Petang)

Tarikh Tutup Tawaran :
7 Februari 2024 (Rabu)
(Tidak Lewat Jam 9.30 Pagi)

---

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran Kastam dan Tajuk Tawaran
Bil. 35 / 2023
Tawaran Bagi Perkhidmatan Penggantian Atap Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak Lewat Selasa
23 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Rujukan Sebut Harga :
KKBS / OBBD / F-004 (03-2023)

Tajuk Sebut Harga :
Re-Quotation Kontrak Penggal (2) Tahun (2024-2026) Bagi Pembekalan Makan / Minum (Dry Ration) Untuk Pegawai, Kakitangan Dan Peserta Yang Mengikuti Pelbagai Program Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Buka:
3 Januari 2024.

Anggaran Harga :
BND16,000

Tajuk Peruntukan :
SL01A / B00606 / 550100 / 4000 / 4004 - Perbelanjaan Operasi

Tarikh Tutup :
11 Januari 2024.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran :
MINDEF/DFA/FY2023/TU/TA/07
Pembelian Aksesori Pakaian Seragam Anggota-Anggota Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran :
BND 30.00

(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
2.00 Petang,
Selasa,
13 Februari 2024.

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

Tarikh Iklan Lanjutan

Bilangan Tawaran :
KK / 270 / 2023 / PPN

Keterangan :
Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning Twelve (12) Unit Of Dental Air Compressor For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Tawaran :
KK / 278 / 2023 / UPP

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install, Testing and Commissioning Of Cardiology 24 Hours Monitoring Devices (Twelve (12) Units Of Holter Recorder, Twelve (12) Units Of Wrist Watch Type Ambulatory Blood Monitor (ABMP) For Cardiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga :
Selasa,
16 Januari 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400**
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
RTB / 05 / 2023

Tajuk Tawaran :
Cleaning Services At Radio Television Brunei Broadcasting Complex Sungai Akar For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
23 Januari 2024.
(2.00 Petang)

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Tawaran :
Request For Information (RFI) bagi Industrial Animal Repellent Services for Department of Electrical Services

Tarikh Tutup :
Sabtu,
27 Januari 2024,
sebelum jam 9.00 Pagi.

---

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 56 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar Toner Cartridge

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 57 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar Peralatan Perabot Elektrik

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 58 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Membekal Dan Menghantar Lampu Elektrik Dan Aksesori

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 59 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar LED Solar Floodlight

5. Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 60 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Folding Chair With Writing Board

6. Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 61 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Membekal Dan Menghantar Peralatan Kipas Angin Elektrik

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
18 Januari 2024.
(1.50 Petang)

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0062 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
''Repair Works At House No.6, Flat F Kg. Sabun, Department Of Fisheries''

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 18 Januari 2024.
(2.00 Petang)

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-004 (05-2023)

Tajuk Tawaran:
Re-Quotation : Kontrak Penggal (2) Tahun (2024-2026) Bagi Penyediaan Dan Penyajian Makan / Minum (Katering) Untuk Pegawai, Kakitangan Dan Peserta Yang Mengikuti Pelbagai Program Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Bayaran Yuran Tawaran:
Khamis 11 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Makluman Iklan Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di

Kelas:
II, IV & V

Kategori :
KPME05

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga :
9 Januari 2029,
(Selasa)
Tidak Lewat Jam
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 37 / 2023

Nama Projek :
Penggantian Halon 1301 Extinguisher System Bagi Bangunan Undang-Undang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

# PERSEDIAAN, KEPERLUAN PERAHU TAMBANG

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Januari. - Seluruh rakyat jelata di negara ini setentunya berasa teruja untuk mengikuti Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam yang akan membuka tirainya dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja pada Ahad, 7 Januari 2024.

Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja dan seterusnya Majlis Istiadat Perarakan di sekeliling Bandar Seri Begawan yang dijadualkan berlangsung pada Ahad, 14 Januari 2024 merupakan acara kemuncak yang penuh gemilang lagi penuh beristiadat setentunya menjadi tumpuan segenap lapisan masyarakat yang hadir.

Semasa membuat tinjauan ke Bandar Seri Begawan, Awang Abdul Ghani bin Abdullah, 54, seorang pemandu perahu tambang ketika ditemui berkata beliau telah pun menerima beberapa tempahan pada 14 Januari untuk membawa penumpang daripada beberapa lokasi antaranya seperti jeti Kiulap dan jeti Riverside.

Menurut beliau, ini adalah antara persiapan awal penumpang agar tidak membuang masa untuk menunggu lama kerana sepanjang perarakan itu nanti, terdapat beberapa jalan akan ditutup dan penumpang bertindak pantas memikirkan penyelesaian dengan menempah perahu tambang lebih awal.

Dengan Bandar Seri Begawan menjadi tumpuan rakyat jelata bagi acara tersebut, Awang Abdul Ghani dalam pada itu menasihatkan agar seluruh pemandu-pemandu perahu tambang agar berhati-hati ketika membawa penumpang ke destinasi yang dituju iaitu tidak membawa lebih muatan penumpang, penumpang memakai jaket keselamatan dan bertolak ansur sesama sendiri.

Awang Abdul Ghani seterusnya menambah, demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang ramai, pemandu perahu tambang juga diingatkan supaya mengurangkan had laju semasa beroperasi memberikan perkhidmatan pengangkutan kepada orang ramai.



**PARA pemandu perahu tambang semasa menunggu penumpang.**



**AWANG Abdul Ghani bin Abdullah, 54, seorang pemandu perahu tambang ketika ditemui bual.**







KETAHUI SUMBER GARAM AWDA
كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH
GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM
TIPS
1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk
JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN
1385 mg
1 bungkus
Mee Segera
1000 mg
Sebiji
Telur Masin
880 mg
1 sudu makan
Kicap
376 mg
3 sudu makan
Corned Beef
295 mg
1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang
243 mg
1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan
120 mg
1 cawan
Kentang Goreng
116 mg
Segenggam
Kacang Tanah (Salted)
15 mg
3 keping
Kraker Beras
2.4 mg
1/2 cawan
Amping
1.7 mg
Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)
1.2 mg
Sebiji ukuran sederhana
Pisang
Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari
Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok
hpcbrunei
Health Promotion Centre
Talian Darussalam 123

PELITA BRUNEI

# IMBASAN MINGGUAN



PARA penjaja yang berniaga di gerai-gerai jualan sempena Festival Mukim Telisai (FMT) 2023. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



PARA pengunjung ketika mengunjungi festival jualan yang diadakan oleh Syarikat Stationery Addict BN yang telah berlangsung di Ruang, Level 2, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selama dua hari. - Foto : Nur Izzah Razali.



ORANG ramai yang menyertai Riadah Berjalan Kaki Sambil Beramal bagi mengumpul sumbangan derma rakyat dan penduduk di negara ini untuk didermakan kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin Di Gaza 2023 anjuran Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penuntut-Penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975-1978. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



AKTIVITI berjalan kaki bagi menyahut cabaran ‘BN On the Move - 80 Billions Steps To The Final Countdown’ anjuran Kementerian Kesihatan telah diadakan di Dewan Al-’Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



# Alat Kebesaran Diraja warisan negara

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**ISTIADAT** Perkahwinan Diraja bagi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam akan memberi peluang kepada kita untuk menyaksikan Alat-alat Kebesaran Diraja yang sememangnya menjadi warisan negara. Pelita Brunei edisi kali ini memaparkan sebahagian daripada Alat-alat Kebesaran Diraja yang bakal digunakan di sepanjang berlangsungnya istiadat penuh gilang-gemilang itu nanti.

### Puan

Puan merupakan Alat Kebesaran Diraja yang dikhaskan dalam istiadat tertentu seperti Istiadat Perkahwinan Diraja dan sebagainya. Ia diperbuat daripada perak dan berbentuk jambangan serta dibawa oleh Pahawai yang berpakaian istiadat.

### Kabuk dan Panastan

Kabuk dan Panastan adalah salah satu Alat Kebesaran Diraja dan merupakan alat tempat menyimpan air (Kabuk) dan lapiknya (Panastan) diperbuat daripada perak atau sebagainya. Kabuk dan Panastan ini dibawa oleh Pahawai yang berpakaian istiadat dalam sesuatu istiadat tertentu seperti Istiadat Berpuspa, Istiadat Perkahwinan Diraja dan sebagainya.

### Kasur Namat

Kasur Namat merupakan dua Alat Kebesaran Diraja yang tidak dapat dipisahkan. Kasur adalah tilam yang diperbuat daripada kain bersarung berbentuk khas yang dianggap sebagai alat duduk persemayaman sultan atau alas duduk pihak diraja di dalam sesuatu istiadat tertentu seperti Istiadat Perkahwinan Diraja, Istiadat Berkhatan dan sebagainya serta ia bukan diduduki melainkan diletakkan di satu tempat yang dikhaskan.

Sementara Namat adalah tikar berbentuk khas bersarung kain yang berlapis sutera kuning bertepi emas yang berukiran atau sulaman tertentu seperti Air Mulih dan sebagainya yang diletakkan di atas Kasur. Kedua-dua Alat Kebesaran ini dibawa ke dalam majlis oleh Awang-awang yang berpakaian istiadat untuk diletakkan di hadapan Patarana atau di tempat yang disifatkan demikian.

### Kiap

Kiap merupakan Alat Kebesaran Diraja yang dikhaskan dalam istiadat tertentu dan digunakan sebagai kipas kepada pihak yang dimaksudkan dalam istiadat itu. Di permukaannya tertulis ayat-ayat suci Al-Quran dengan sulaman benang emas dan dibawa oleh Pahawai yang lengkap berpakaian bagi pengantin mengiringi keberangkatan pihak yang dimaksudkan seperti sultan dalam Istiadat Berpuspa dan keberangkatan Pengantin Diraja dalam Istiadat Perkahwinan Diraja.

### Pasigupan

Pasigupan merupakan Alat Kebesaran Diraja yang khas digunakan untuk mengiringi keberangkatan sultan dalam Istiadat Berpuspa atau keberangkatan Pengantin Diraja dalam Istiadat Perkahwinan Diraja. Pasigupan ini dibawa oleh Pahawai yang lengkap berpakaian pengantin.





# Pemajangan

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) merupakan antara Kesultanan Melayu tertua di dunia. Pemeliharaan terhadap Adat Istiadat Diraja di negara ini juga masih kukuh malah pelaksanaannya masih dapat dilihat hingga sekarang. Keunikan Adat Istiadat Diraja ini dapat ditonton apabila berlangsungnya acara-acara tertentu seperti Perkahwinan Diraja. Setiap satu adat itu dicipta mempunyai sebab dan makna tertentu malah menjadi tanda pemakluman komunikasi kepada orang ramai.

Salah satunya adalah Pemajangan. Pemajangan adalah salah satu Perhiasan Diraja diperbuat daripada kain putih yang dijadikan atap kepada tempat yang dikhaskan untuk perhiasan dalam kenaikan atau pada perhiasan di perlaluan sesuatu istiadat dan di kelilingnya dihiasi dengan Rawai Lidah. Kemudian lama-kelamaan nama Pemajangan ini telah diluaskan kepada keseluruhan tempat pemasangan perhiasan yang bersamanya dan akhirnya sebutan terhadap keseluruhannya dinamakan pemajangan dan namanya itu juga disesuaikan dengan tempat penggunaannya seperti Pemajangan Kenaikan, Pemajangan Pelaluan, Pemajangan Istana, Pemajangan Lapau, Pemajangan Kenderaan dan sebagainya.

Alat-alat Perhiasan Diraja biasanya dipasang dalam Istiadat Perarakan Diraja, Perpuspaan dan Istiadat Perkahwinan Diraja.

Bagi Istiadat Perkahwinan Diraja, lazimnya akan ada Pemajangan yang diletakkan di hadapan Istana Nurul Iman sepanjang Istiadat Berjaga-Jaga diadakan.

Pemasangan perhiasan di Pemajangan dan di tempat yang ditentukan dan segala peralatan Gendang Jaga-Jaga juga akan diangkat di satu tempat khas. Pemasangan ini dilaksanakan sejurus selesai Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di Bangunan Lapau dan tembakan meriam 21 das dilepaskan.

Alat-alat Perhiasan Diraja yang dipasang termasuk Tunggul Charok, Sandaran, Ula-Ula Besar dan Sumbu Layang, Payong Haram, Payong Ubur-Ubur Tiga Ringkat, Chogan Diraja, Chogan Ugama, Lambang Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Panji-Panji, Mahligai, Payong Tinggi, Alam Bernaga, Pisang-Pisang, Tunggul Buritan, Payong Obor-Obor, Ambal, Tunggul Kawan, Dadap, Rawai Lidah dan Sapu-Sapu Ayeng.

Jika pemasangan Alat-alat Kebesaran Diraja dimulakan sebaik sahaja selesai Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga, manakala penurunan satu per satu Alat-alat Kebesaran Diraja dilakukan serentak sebaik sahaja 17 das tembakan meriam dilepaskan dan bacaan Dikir Syarafil Anam sampai kepada perenggan 'Ya Habibi' semasa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga.

Peralatan indah dan berwarna-warni tersebut adalah di antara khazanah tertua dan berharga di Nusantara atau alam Melayu, sementara Alat-alat Perhiasan Diraja adalah lambang kemegahan NBD dan rakyatnya yang diwarisi sejak zaman Sultan Brunei Pertama, Sultan Muhammad Shah dan Sultan Brunei Ketiga, Sultan Sharif Ali.

Begitulah tertibnya sesuatu adat itu dilaksanakan. Adanya Pemajangan di Istana Nurul Iman itu menunjukkan bermulanya suatu acara Adat Istiadat Diraja manakala apabila sudah diturunkan Alat-alat Kebesaran Diraja, bermakna berakhirlah sudah suatu acara istiadat diraja itu.



# DERMA DARAH DAPAT SELAMATKAN NYAWA





**BEBERAPA orang penderma darah, iaitu Dayang Unaizah binti Haji Yusuf dan Haji Mohd. Suffian bin Haji Md. Yussof semasa ditemu bual (kiri sekali dan kiri). Manakala gambar bawah kiri, antara yang menderma darah.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Januari. - Derma darah merupakan satu amalan mulia kerana darah yang didermakan boleh menyelamatkan nyawa seseorang yang memerlukannya.

Amalan derma darah dapat memupuk nilai murni dalam diri dan boleh dijadikan sebagai tanggungjawab sosial.

Menderma darah adalah selamat untuk orang dewasa yang sihat dan juga boleh memberi manfaat yang besar untuk kesihatan mental termasuk antaranya mengurangkan tekanan, meningkatkan kesejahteraan emosi serta manfaatkan kesihatan fizikal.

Selain itu, derma darah mempunyai kuasa untuk menyelamatkan nyawa kerana darah diperlukan untuk pesakit yang menjalani pembedahan dan rawatan, terutamanya untuk pesakit trauma atau mereka yang menghidap penyakit yang kronik.



Pada Kempen Derma Darah yang diadakan di Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Perindustrian (KSSUP) baru-baru ini, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa orang penderma darah, iaitu Dayang Unaizah binti Haji Yusuf yang melahirkan rasa syukur kerana berpeluang dapat menderma darah sekali lagi setelah berhenti sekitar 2012 kerana pada ketika itu beliau ada mengambil ubat hospital.

Dayang Unaizah juga menjelaskan, beliau berhenti mengambil ubat berkenaan berikutan dia dapat mengawal pola pengambilan pemakanan dengan memperbanyakkan memakan sayur dan buah-buahan selain menitikberatkan penjagaan kesihatan.

Beliau berharap agar selalu menjadi penderma darah yang aktif demi sama-sama membantu terutama sekali kepada mereka yang amat memerlukan.

Sementara itu, Haji Mohd. Suffian bin Haji Md. Yussof yang merupakan kali ketiga menderma darah berharap dengan adanya pendermaan darah mampu membantu kepada para pesakit yang sangat memerlukan.

Haji Mohd. Suffian kemudiannya menyatakan badannya terasa nyaman dan ringan setelah menderma darah selain mengikuti nasihat pegawai kesihatan seperti amalkan minum air putih serta tidak melakukan aktiviti senaman berat setelah menderma darah.

Oleh itu, bagi mereka yang berkeadaan sihat dan boleh menderma darah, bolehlah terus menyumbang kerana darah yang didermakan setentunya memberikan banyak manfaat kepada mereka yang memerlukan selain kebaikan untuk kesihatan diri sendiri.

# Progresif jamin data pelanggan selamat

**Siaran Akhbar : Progresif Sdn. Bhd.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Januari. - Berikutan dengan peningkatan aktiviti-aktiviti penipuan yang menyasarkan para pelanggannya baru-baru ini, Progresif Sdn. Bhd. mengambil maklum mengenai meningkatnya penipuan sosial, terutamanya melalui percubaan pancingan data di mana penipu menyamar sebagai ejen Progresif, bertujuan untuk mendapatkan akses tanpa kebenaran kepada akaun Progresif CARE+ milik pelanggan.

Dalam situasi ini, penipu telah menghubungi pelanggan melalui Panggilan dan panggilan WhatsApp, meminta maklumat sensitif seperti butiran log masuk atau Kata Laluan Satu Kali (OTP).

Selepas itu, transaksi tanpa kebenaran telah dicuba pada akaun pelanggan.

Sehubungan itu, pihak Progresif menggesa pelanggan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga yang perlu terhadap penipuan tersebut.

Progresif memberi jaminan kepada pelanggannya bahawa pihak syarikat tidak akan meminta butiran log masuk atau OTP melalui telefon atau mana-mana saluran komunikasi lain.

Pelanggan dinasihatkan untuk tidak mendedahkan kata laluan, OTP atau butiran peribadi kepada sesiapa sahaja dan digalakkan untuk menghubungi saluran perkhidmatan pelanggan rasmi Progresif, jika mereka mempunyai sebarang kebimbangan atau syak wasangka mengenai kesahihan panggilan.

Progresif juga menggesa pelanggannya memainkan peranan aktif dalam mengekalkan persekitaran telekomunikasi yang selamat. Kewaspadaan awda adalah penting dalam membantu kami menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada awda.

Jika awda percaya awda menjadi sasaran penipuan atau telah mengalami aktiviti yang mencurigakan, sila hubungi sokongan Pelanggan Progresif dengan segera melalui Pusat Pengalaman Pelanggan Progresif melalui Talian 177, melalui WhatsApp melalui talian +673 8220177 atau melalui e-mel *contact@progresif.com.*










**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Meningkatkan Kecemerlangan Dalam Pendidikan'.** Tarikh Tutup : **10 Januari 2024**
2. **'Azam Tahun Baharu, perlu dicapai'.** Tarikh Tutup : **17 Januari 2024**
3. **'Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan'.** Tarikh Tutup : **24 Januari 2024**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

*E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75
SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pelita Brunei

BERITA GLOBAL

# NUR SHAZRIN UKUR PRESTASI DI EROPAH SEBELUM KE OLIMPIK PARIS 2024

**KUALA LUMPUR,** 6 Jan. - Atlet pelayaran negara, Nur Shazrin Mohamad Latif akan menjadikan Kejohanan Senior Eropah ILCA 2024 dan Piala Eropah Terbuka di Athens, Greece sebagai medan mengukur prestasinya sebelum ke Sukan Olimpik 2024 di Paris.

Atlet berusia 25 tahun itu berharap kejohanan bermula 16 hingga 27 Februari itu membantunya mengenal pasti kelemahan sebelum beraksi di temasya berprestij dunia yang bermula Julai depan.

"Sebab temasya besar terakhir pada Sukan Asia tahun lepas, selepas itu tiada kejohanan besar, saya tak tahu tahap saya bagaimana sekarang, kalau sudah pergi (Eropah) sekurang-kurangnya saya tahu kelemahan saya dan boleh letakkan sasaran peribadi ke Olimpik.

"Sebelum ke Eropah, saya nak tingkat saya punya pengendalian, pelepasan dan kecergasan," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Anak kelahiran Johor itu berkata buat masa ini, beliau giat menjalani latihan di Langkawi sejak melaporkan diri pada 1 Januari lepas sebagai persiapan untuk berlayar di Eropah.

Cuaca sejuk di Eropah, katanya akan menjadi cabaran utama memandangkan beliau sudah lama tidak beraksi dalam keadaan cuaca sedemikian.

Nur Shazrin yang menyumbang pingat emas di Sukan Asia Hangzhou 2022 meneruskan acara ILCA6 Wanita mengesahkan tempat secara merit ke Sukan Olimpik 2024.

Dalam pada itu, Nur Shazrin turut menyuarakan kebimbangan apabila tiada perancangan yang jelas untuk program dan persiapan lain ke Paris 2024 oleh Persatuan Pelayaran Malaysia (MSA) dan Majlis Sukan Negara (MSN).

Beliau berkata masa semakin suntuk buatnya untuk membuat persiapan memandangkan MSA dan MSN masih belum memberi sebarang maklumat jelas mengenai program latihan dan jurulatih yang akan diberikan kepadanya.

"Saya tak tahu bila boleh mula, ikutkan sudah lambat, Olimpik lagi berapa bulan sahaja lagi, atlet lain sudah mula latihan sejak Olimpik lepas," katanya.

Sukan Olimpik 2024 dijadualkan berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos depan. - ©BERNAMA

# Kereta api, pusat mengundi dibakar menjelang pilihan raya umum Bangladesh

**DHAKA (Bangladesh),** 6 Jan. - Bangladesh terus dicemari dengan insiden keganasan pada Ahad menjelang pilihan raya umum yang akan diadakan di negara ini, lapor Agensi Anadolu.

Dalam satu insiden berkaitan, sekurang-kurangnya empat penumpang tren komuter Benapole Express, termasuk dua kanak-kanak dan seorang wanita terbunuh selepas tren berkenaan dibakar.

Lapan mangsa yang melecur dilaporkan dalam keadaan kritikal dan kini menerima rawatan di Institut Lecur dan Pembedahan Plastik Kebangsaan Sheikh Hasina di Dhaka, kata penyelaras unit Dr. Samanta Lal Sen kepada pemberita.

Sebanyak empat gerabak kereta api itu didakwa dibakar pada malam Jumaat sejurus tiba di Dhaka dari bandar Jessore, menurut pihak bomba.

Susulan dakwaan sabotaj, pihak berkuasa menggantung operasi 31 kereta api sepanjang hujung minggu.

Selain itu, beberapa pusat pengundian di sekolah rendah di tengah Gazipur, barat daya Khulna, daerah utara-tengah Mymensingh dibakar pada malam Jumaat dan awal Sabtu.

Perdana Menteri, Sheikh Hasina mengucapkan takziah dan memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap pelaku manakala parti pembangkang Parti Nasionalis Bangladesh (BNP) menuntut siasatan yang diselia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Bulan lalu, empat orang maut dalam kejadian kebakaran tren komuter yang sama.

Parti pembangkang yang diketuai oleh BNP mendesak pilihan raya kali ini diboikot, menyifatkannya sebagai cubaan ‹berperingkat› untuk menghalalkan pemerintahan parti pemerintah Liga Awami.

Pembangkang menuntut sistem sementara yang berkecuali untuk memantau pilihan raya tetapi ditolak kerajaan dengan menyatakan ia tidak mengikut perlembagaan. - ©BERNAMA

# Arab Saudi terus salur bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin

**RIYADH**, 6 Jan. - Pesawat ke-37 yang membawa bantuan kemanusiaan Arab Saudi yang dikendalikan Pusat Bantuan dan Kemanusiaan Raja Salman (KSrelief) pada Jumaat berlepas dari Riyadh menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa El-Arish di Mesir.

Bantuan seberat 23 tan terdiri bekalan makanan, khemah perlindungan dan ubat-ubatan untuk dihantar kepada penduduk Palestin yang terjejas di Semenanjung Gaza, menurut Agensi Berita Arab Saudi.

Sumbangan itu merupakan sebahagian daripada peranan kerajaan Arab Saudi dalam menyokong rakyat Palestin yang sedang menghadapi pelbagai krisis. - ©BERNAMA

# Tentera India gagalkan cubaan rampas kapal kargo

**NEW DELHI**, 6 Jan. - Tentera Laut India berkata tindakan pantas yang diambil pihaknya membantu menggagalkan cubaan sekumpulan suspek bersenjata untuk merampas kapal pengangkut MV Lila Norfolk.

Pesawat peronda maritim dan kapal pemusnah peluru berpandu INS Chennai dikerah bagi membantu kapal berkenaan. Seramai 21 anak kapal termasuk 15 warga India berjaya dipindahkan dari kapal terbabit.

Menurut laporan, sekitar lima hingga enam suspek yang tidak dikenali menyusup masuk ke dalam kapal berkenaan di Laut Arab pada petang Khamis. Bagaimanapun, tentera tidak menemukan penceroboh berkenaan selepas menggeledah kapal itu. - ©BERNAMA

# Maritim Malaysia tahan dua bot pelancong bawa lebih muatan di Sabah

**KOTA KINABALU**, 6 Jan. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan dua bot pelancong kerana membawa penumpang melebihi had dan mengabaikan aspek keselamatan pada 4.30 petang semalam.

Pengarah Maritim Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Datuk Engku Suhaimi Che Engku Daik berkata bot itu ditahan semasa peronda maritim melakukan operasi pencegahan mencari dan menyelamat (SAR) kira-kira 0.18 batu nautika Barat Jeti Jesselton di sini.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot pertama mendapati bot yang dikendalikan seorang lelaki tempatan telah membawa penumpang melebihi had yang dibenarkan. Bot kedua yang ditahan didapati tidak membawa peralatan keselamatan selain beroperasi tanpa kru.

"Kedua-dua bot dan juragan telah diiringi masuk ke jeti Maritim Negeri Sabah di Sepanggar untuk tindakan selanjutnya," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Beliau berkata Maritim Malaysia menyeru semua pengusaha bot penumpang agar sentiasa mengutamakan aspek keselamatan semasa membawa penumpang ke pulau-pulau sekitar perairan Sabah bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku. - ©BERNAMA

# Alaska Airlines gantung perkhidmatan semua pesawat 737-9 selepas pendaratan cemas

**LOS ANGELES**, 6 Jan. - Alaska Airlines menggantung perkhidmatan semua pesawat Boeing 737-9 miliknya pada Jumaat.

Tindakan dibuat selepas sebuah pesawatnya melakukan pendaratan cemas di Portland, Oregon, Amerika Syarikat ekoran insiden tingkap dan sebahagian daripada fiuslaj hilang, lapor Xinhua.

"Berikutan kejadian membabitkan Penerbangan 1282, kami memutuskan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dengan menggantung sementara 65 pesawat Boeing 737-9 kami," kata Ketua Pegawai Eksekutif Alaska Airlines, Ben Minicucci dalam satu kenyataan.

Syarikat Boeing dalam satu kenyataan memaklumkan, pasukan teknikal Boeing bersedia untuk membantu siasatan. - ©BERNAMA

# Parlimen Thailand lulus belanjawan 3.48 trilion baht

**BANGKOK**, 6 Jan. - Bajet 2024 Thailand bertujuan merangsang pertumbuhan ekonomi berjaya menempuh halangan pertama di Parlimen pada Jumaat, selepas tertangguh akibat kebuntuan politik selama tiga bulan.

Bajet sebanyak 3.48 trilion baht (US$101 bilion) diluluskan dalam sesi undian pada lewat Jumaat dengan 311 anggota Parlimen menyokong manakala 177 menentang dan empat berkecuali selepas tiga hari perbahasan.

Perdana Menteri Srettha Thavisin yang membentangkan bajet 2024 itu pada Rabu, menggesa perbelanjaan 3.48 trilion baht dengan defisit 693 bilion baht, peningkatan daripada 593 bilion yang diluluskan oleh kerajaan terdahulu. Ekonomi Thailand diunjur berkembang 2.7 hingga 3.7 peratus tahun ini.

Bajet tahun ini ditangguhkan kerana kebuntuan politik yang berpanjangan berikutan pilihan raya umum pada Mei tahun lepas. Kerajaan baharu telah ditubuhkan pada Ogos. Bajet terbabit dijangka dikuat kuasa pada Mei.

Sementara itu, Srettha mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen atas sokongan mereka terhadap bajet berkenaan dan berjanji untuk menguruskan peruntukan itu dengan penuh berhemah dan berkesan.

Beliau berkata bajet itu akan memberi tumpuan dalam menjadikan kehidupan rakyat lebih baik melalui dasar ekonomi, sosial dan politik yang komprehensif dalam jangka masa pendek dan panjang. "Kerajaan akan meneliti dan mempertimbangkan cadangan dan syor yang dibuat ketika perbahasan," katanya. - ©BERNAMA

# Gempa bumi Jepun : Angka kematian meningkat kepada 100, 211 hilang

**TOKYO**, 6 Jan. - Angka kematian meningkat kepada 100 orang di wilayah Ishikawa selepas beberapa siri gempa bumi mencecah 7.6 pada skala Richter melanda wilayah itu, lapor Xinhua. Seramai 211 orang dilaporkan hilang di wilayah berkenaan sehingga Sabtu, menurut media tempatan memetik pihak berkuasa tempatan.

Bandar Wajima yang paling terjejas merekodkan 59 kematian manakala kira-kira 100 orang dilaporkan tertimbus dan terperangkap di bawah runtuhan bangunan. Gegaran susulan dilaporkan masih melanda wilayah terbabit.

Agensi Meteorologi Jepun (JMA) mendedahkan gempa bumi berukuran 5.4 pada skala Richter melanda wilayah Noto pada 5.25 pagi waktu tempatan Sabtu pada kedalaman 10 kilometer.

JMA mengeluarkan amaran kepada penduduk tempatan supaya berwaspada terhadap kemungkinan banjir lumpur susulan hujan dijangka melanda wilayah itu pada Sabtu.

Kemudahan infrastruktur mengalami kerosakan teruk dengan kira-kira 24,000 isi rumah menghadapi gangguan bekalan elektrik dan 66,000 isi rumah terputus bekalan air di 14 bandar dan pekan setakat 8 pagi waktu tempatan Sabtu, lapor Agensi Berita Kyodo. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# SEPANYOL IKTIRAF PASPORT KOSOVO

**BELGRADE (Serbia),** 7 Jan. - Timbalan Perdana Menteri Kosovo bagi Integrasi Eropah Besnik Bislimi pada Sabtu mengumumkan bahawa Sepanyol kini mengiktiraf pasport Kosovo. "Berita baik untuk rakyat dan negara kita.

Sepanyol ditambah kepada destinasi bagi kawasan Schengen…," kata Bislimi di media sosial, lapor Agensi Anadolu.

Mulai 1 Jan sehingga 90 hari dalam tempoh 180 hari, rakyat Kosovo boleh mengembara ke kawasan Schengen tanpa visa. Pengisytiharan kemerdekaan sepihak Kosovo daripada Serbia pada 2008 sebelum ini tidak diiktiraf lima ahli Kesatuan Eropah (EU) iaitu Sepanyol, Greece, Romania, Slovakia dan Pentadbiran Cyprus Yunani Cyprus Selatan. - ©BERNAMA

# Empat termasuk seorang wanita ditahan bersama lebih 16kg ganja

**ALOR SETAR**, 7 Jan. - Empat individu termasuk seorang wanita ditahan bersama dadah jenis ganja seberat 16 kilogram (kg) bernilai lebih RM50,000 dalam dua serbuan berasingan di Kampung Kuala Alor, Simpang Kuala, dekat sini, Khamis lepas.

Ketua Polis Kedah Datuk Fisol Salleh berkata kesemua suspek berusia 24 hingga 43 tahun itu direman sehingga 10 Jan depan.

Beliau berkata dalam serbuan pertama pada 1.30 pagi, sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah menahan sebuah kereta jenis Perodua Aruz dinaiki dua lelaki berada dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan lanjut menjumpai enam balutan plastik lut sinar mengandungi dadah mampat jenis ganja seberat 6.2 kg di tempat duduk penumpang tengah dianggarkan bernilai RM19,250," katanya pada sidang media di IPK Kedah di sini hari ini.

Beliau berkata susulan itu, pihaknya menahan seorang lelaki dan wanita berusia 36 dan 32 tahun yang menaiki kereta jenis BMW pada 4.10 pagi dalam serbuan kedua di kawasan sama.

"Hasil pemeriksaan menjumpai satu kotak mengandungi 10 balutan plastik lut sinar dadah mampat jenis ganja seberat lebih 10kg di tempat duduk penumpang bahagian belakang dianggarkan bernilai RM31,000.

"Tiga lelaki yang ditahan mempunyai rekod jenayah lampau dan positif dadah jenis methamphetamine manakala wanita berkenaan tidak mempunyai rekod jenayah lampau dan negatif dadah. Kesemua suspek ditahan reman untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Menurut Fisol, kesemua suspek itu dipercayai mula aktif pada pertengahan 2023 dan bekalan dadah yang diperoleh dari negara jiran itu mampu menampung keperluan 3,200 penagih di sekitar Kota Setar dan Kuala Ketil.

Dalam perkembangan lain, Fisol berkata 1,505 serbuan Op Dadu Khas telah dilaksanakan sepanjang 2023 bagi membanteras kes perjudian di Kedah, dan sebanyak 1,661 orang telah ditahan dengan rampasan wang berjumlah RM311,142.

"Judi ekor haram mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 863 serbuan melibatkan 876 tangkapan dengan wang rampasan berjumlah lebih RM137,000. Operasi ini diteruskan tahun ini dan dari 1 Jan hingga semalam, sebanyak 25 serbuan telah dilaksanakan bagi perjudian dalam talian dan judi ekor haram," katanya. - ©BERNAMA

# Sekolah menengah K-pop dibuka di Busan pada 2028

**SEOUL**, 7 Jan. - Sebuah sekolah menengah yang khusus dalam mendidik pelajar mengenai K-pop dan persembahan berkaitan akan dibuka di Busan, lapor Agensi Berita Yonhap memetik pihak berkuasa pendidikan tempatan pada Ahad.

Pejabat Pendidikan Bandaraya Metropolitan Busan berkata sebuah sekolah menengah yang bakal ditutup tidak lama lagi akan diubah suai menjadi sekolah menengah awam khusus dan dijadual dibuka pada Mac 2018. Sekolah yang terletak di Busan, kira-kira 320 kilometer tenggara Seoul itu akan menjadi sekolah awam pertama dengan pengkhususan K-pop.

Pelajar di seluruh negara serta penuntut antarabangsa layak mendaftar di sekolah terbabit dan sekolah itu bakal menyediakan pelajaran mengenai vokal, tarian dan instrumen serta kesenian lain.

Pembinaan sekolah itu bertujuan menyediakan pembelajaran khusus untuk pelajar sejajar dengan industri K-pop yang semakin berkembang, menurut pejabat itu. Di Korea Selatan, agensi hiburan utama mengendalikan sistem latihan idola K-pop yang terkenal dengan kem latihan dan proses sistematik yang ketat untuk debut artis baharu. - ©BERNAMA

# 2,790 kes denggi di Kelantan direkodkan tahun lepas - JKNK

**KOTA BHARU**, 7 Jan. - Sebanyak 2,790 kes denggi dilaporkan di Kelantan pada 2023 iaitu peningkatan kes sebanyak 127.4 peratus berbanding 1,227 kes pada 2022.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata bagaimanapun, jumlah kematian akibat denggi menurun kepada dua orang pada 2023 berbanding empat mangsa pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata daripada jumlah yang direkodkan, JKNK mendapati kes-kes denggi pada 2023 sebenarnya juga lebih rendah berbanding ketika pandemik COVID-19 iaitu 3,874 pada 2020 dan 6,003 kes pada 2019.

"JKNK telah menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan untuk semua kes dan wabak denggi yang dilaporkan bagi memutuskan rantaian jangkitan termasuk pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan.

"Setakat 30 Dis 2023, sejumlah 597,199 premis telah diperiksa tempat pembiakan aedes dan 2,480 kompaun di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975 [Akta 154] dengan nilai RM1.24 juta telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang terlibat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata terdapat 215 wabak denggi berlaku di Kelantan pada 2023 berbanding hanya 59 wabak pada 2022.

"JKNK menyeru orang ramai untuk bersama-sama mengambil tanggungjawab bagi membendung penyakit denggi di negeri ini dengan bersama-sama memikul tanggungjawab serta bekerjasama membersihkan kawasan persekitaran rumah dan tempat kerja terutamanya di tempat-tempat yang pernah dinaiki air semasa banjir baru-baru ini," katanya. - ©BERNAMA

# Kabul : Bas mini meletup ragut dua nyawa, 14 cedera

**KABUL**, 7 Jan. - Seramai dua orang terbunuh manakala 14 lagi cedera selepas sebuah bas mini meletup di kawasan Dasht-i-Barchi, di Kabul pada Sabtu, kata jurucakap polis Khalid Zadran.

Semua mangsa terdiri orang awam dan mereka yang cedera telah dibawa ke hospital berdekatan, lapor Xinhua.

Bagaimanapun, Zadran tidak memberikan butiran lanjut sambil berkata siasatan telah dimulakan berhubung kejadian itu.

Sementara itu, penduduk tempatan di kawasan Dasht-i-Barchi mendakwa letupan terbabit berlaku sekitar 6.30 pagi waktu tempatan.

Tiada kumpulan atau individu mengaku bertanggungjawab setakat ini. - ©BERNAMA

# Kem sementara di Bangladesh terbakar, ribuan warga Rohingya hilang tempat berteduh

**DHAKA**, 7 Jan. - Sekurang-kurangnya 2,500 orang hilang tempat berteduh selepas kebakaran melanda sebahagian kem pelarian Rohingya di Bangladesh pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Sebanyak 500 kem perlindungan di Cox Bazar Kem 5 dijilat api dan anggota penyelamat mengambil masa tiga jam sebelum kebakaran berjaya dikawal, kata Pegawai Mohammad Iqbal.

Tiada kemalangan jiwa dilaporkan, katanya.

Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian di Bangladesh berkata menerusi platform X bahawa pihaknya akan memberikan bantuan.

Bangladesh telah menjadi tuan rumah kepada satu juta pelarian Rohingya di 34 kem di Cox's Bazar. - ©BERNAMA

# Misi angkasa pertama India bagi kaji matahari sampai ke destinasi

**NEW DELHI**, 7 Jan. - Misi angkasa lepas pertama India untuk mengkaji matahari telah sampai ke destinasinya, lapor Agensi Anadolu. Perdana Menteri Narendra Modi berkata negara itu mencipta "satu lagi kejayaan," ketika balai cerap solar pertama India Aditya-L1 sampai ke destinasinya.

"Ia adalah bukti dedikasi tanpa henti para saintis kami dalam merealisasikan misi angkasa yang paling kompleks dan rumit. Saya dan seluruh negara memuji pencapaian luar biasa ini. Kami akan terus mengejar sempadan baharu sains untuk manfaat manusia," menurut Modi menerusi hantaran di platform X.

Misi itu ialah balai cerap angkasa India pertama yang mengkaji matahari dari orbit halo mengelilingi titik Lagrangian (L1) yang terletak kira-kira 1.5 juta kilometer (930,000 batu) dari Bumi, menurut Organisasi Penyelidikan Angkasa India.

Kapal angkasa Aditya-L1 dilancarkan dari Pusat Angkasa Satish Dhawan di Sriharikota selatan India pada 2 Sept dan menjalani fasa pelayaran selama kira-kira 110 hari sebelum mencapai kedudukan yang disasarkan pada 6 Jan. - ©BERNAMA

# LARIAN AMAL BAGI KUMPUL DANA



BR-Patrick Agency mengadakan BR Patrick Go! Fundraiser Fun Run sejauh 3 kilometer yang bermula dan berakhir di Pantai Serasa (kiri dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Januari. - BR-Patrick Agency hari ini mengadakan BR Patrick Go! Fundraiser Fun Run sejauh 3 kilometer yang bermula dan berakhir di Pantai Serasa. Larian pengumpulan amal itu berjaya menjana sejumlah BND40 ribu melalui pendaftaran 3km Fun Run, sumbangan luar talian dan dalam talian.

Pada majlis itu, Pengurus Besar AIA Singapore Ptd. Ltd. (Cawangan Negara Brunei Darussalam), Kenneth Ling dan Master District Director of BR-Patrick Agency, Patrick Pang menyampaikan cek sumbangan kepada Presiden Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA Brunei), Tsara' Nawwarah Chen.

Pengumpulan dana itu merupakan satu siri acara amal yang bertujuan mengumpul dana untuk YASKA Brunei. Inisiatif pengumpulan dana menampilkan dua acara iaitu Larian Tertutup sejauh 130 kilometer pada 5 Januari lalu dan Fun Run sejauh 3km.

Larian Tertutup 130km turut disertai lima pelari berprestasi iaitu Raymond Pang, Eric Pui, Jan Shim, Jin Ng dan Michelle Chong yang masing-masing mempunyai sejarah pencapaian cemerlang dalam Maraton.

Pelari-pelari yang memulakan larian bermula di Kompleks Harapan di Kuala Belait sejauh 130km itu dengan jayanya menamatkan larian mereka di Pantai Serasa pada jam 8.45 pagi hari ini.

BR-Patrick Agency merakamkan penghargaan kepada AIA Singapore Ptd. Ltd., Mr Baker's Bakeshop, Barossa Sdn. Bhd. dan Brunei LNG Sdn. Bhd. dalam sokongan mereka sebagai penaja platinum.

Dengan adanya acara tersebut memaparkan semangat dan perpaduan masyarakat yang luar biasa serta komitmen BR-Patrick Agency dan sekutunya untuk memberi kesan positif kepada kehidupan mereka bagi kanak-kanak yang menghadapi kanser.

Sumbangan yang diterima melalui pelbagai saluran sudah pasti akan menyumbang secara signifikan kepada usaha berterusan YASKA Brunei dalam menyokong kanak-kanak melawan kanser.

# Royal Bees sertai Hong Kong Four Nations 2024



PERSATUAN Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNA) akan menyertai Hong Kong Four Nations 2024 yang bakal berlangsung di Kowloon Park Sports Centre, Hong Kong. Hadir di Lapangan Tebang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Dipertua BNA, Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 7 Januari. - Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNA) akan menyertai Hong Kong Four Nations 2024 yang bakal berlangsung di Kowloon Park Sports Centre, Hong Kong.

Sehubungan itu, BNA telah menghantar Pasukan Bola Jaring Brunei Kebangsaan (Royal Bees) bagi mengikuti perlawanan yang akan bermula pada 10 hingga 13 Januari 2024 itu.

Hadir di Lapangan Tebang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar, Yang Dipertua BNA, Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili.

Sebelum berlepas, Doa Selamat dibacakan oleh pengadil tempatan bagi sukan Bola Jaring, Awang Mohd Asmawi Sulaiman.

Seramai 12 pemain yang diiringi oleh Setiausaha Kehormat BNA dan Ahli-ahli Jawatankuasa BNA telah berlepas hari ini ke Hong Kong.

Pasukan Royal Bees akan bertemu Hong Kong pada 11 Januari dan diikuti dengan perlawanan bersama Republik Filipina dan Papua New Guinea.